

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]**

**SOALAN NO. 167**

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan manakah perginya hasil keuntungan penjualan beg plastik kepada pengguna di setiap pasar raya dalam usaha pihak Kementerian menjalankan kempen tanpa beg plastik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelan Hala Tuju Malaysia ke arah Sifar Penggunaan Plastik Sekali Guna 2018 -2030 yang telah dilancarkan pada 17 Oktober 2018 telah memperkenalkan caj pencemaran plastik dengan kadar minimum 20 sen ke atas setiap beg plastik yang diberikan kepada pelanggan di premis perniagaan. Melalui pelan hala tuju ini, premis perniagaan tetap di semua negeri boleh mula mengenakan caj pencemaran plastik kepada pengguna pada Jun 2019 (tertakluk kepada perundangan dan kesediaan Kerajaan Negeri) dan menyerahkannya kepada PBT untuk kegunaan program melestarikan alam sekitar.

2. Dalam menjayakan pelaksanaan Pelan Hala Tuju ini, setakat akhir bulan Jun 2019, Wilayah Persekutuan telah mula mengenakan caj pencemaran bermula 15 Mac 2019 di bawah pelan hala tuju ini. Di Wilayah Persekutuan, mereka telah memilih untuk menggunakan beg biodegradasi dan bukan beg plastik konvensional berasaskan hidrokarbon. Oleh kerana kos beg biodegradasi/boleh kompos adalah dianggar empat kali lebih mahal, maka caj yang dikenakan bagi setiap beg ini dikutip dan disimpan oleh peruncit.

3. Pelan Hala Tuju ini boleh dimuat turun dalam keseluruhannya dari laman web MESTECC iaitu [mestecc.gov.my](http://mestecc.gov.my).

Untuk makluman ahli Yang Berhormat

4. Mekanisme pengenaan caj pencemaran di bawah Pelan Hala Tuju Malaysia ke arah Sifar Penggunaan Plastik Sekali Guna 2018 -2030 adalah sedikit berbeza dengan caj beg plastik yang mula diperkenalkan pada Januari 2011 melalui Kempen Hari Tanpa Beg Plastik oleh Kementerian Perdagangan dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) pada masa itu. Kempen Hari Tanpa Beg Plastik ini dilaksanakan di premis perniagaan terpilih iaitu pasar raya (*supermarket*), pasar hiper (*hypermarket*), peruncit besar dan pusat membeli-belah utama pada setiap Sabtu seluruh negara dengan tujuan untuk mengurangkan penggunaan beg plastik demi kelestarian alam sekitar. Di bawah kempen ini, setiap premis perniagaan yang terlibat adalah terikat kepada satu surat perjanjian di antara premis tersebut dan KPDNKK, di mana kutipan caj beg plastik ini dibuat oleh premis perniagaan dan hasil jualan tersebut tidak boleh dikira sebagai sebahagian daripada keuntungan, tetapi perlu digunakan bagi melaksanakan program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) seperti kempen kesedaran dan pendidikan. Kempen ini dilaksanakan Selangor dan Melaka dengan pendekatan yang berbeza.

5. Pulau Pinang telah mendahului kempen ini dengan memperkenalkan caj pencemaran bermula tahun 2009. PBT di Pulau Pinang membuat kutipan caj pencemaran sebanyak 20 sen dari peruncit untuk dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Amanah yang digunakan bagi tujuan kesejahteraan rakyat

6. Melaka pula telah memperkenalkan caj pencemaran sebanyak 20 sen bagi sehelai beg plastik pada tahun 2011 yang disimpan oleh peruncit, tetapi telah dihentikan pada tahun 2016.

7. Di Selangor, caj 20 sen ke atas setiap beg plastik dan hasil kutipan disimpan oleh peruncit tersebut dengan sebahagian digunakan bagi tujuan tanggungjawab sosial korporat (CSR). Sekian, terima kasih.